



Ruj. Kami : JANM.JHR.600-2/1/3Jld.2(2)
Tarikh : 22 Februari 2024
12 Syaaban 1445H

**SEMUA KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ),
NEGERI JOHOR.**

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

TAKLIMAT PELAKSANAAN NAZIRAN TAHUN 2024 OLEH PEJABAT PERAKAUNAN

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Selaras dengan kewajipan Akauntan Negara di bawah Arahan Perbendaharaan 138 dan 150 (Pindaan 2023), dimaklumkan bahawa satu sesi taklimat mengenai pelaksanaan naziran tahun 2024 oleh Pejabat Perakaunan akan diadakan. Tujuan taklimat adalah untuk menerangkan skop semakan naziran dan prosedur semakan substantif ke atas rekod PTJ terutamanya data aset serta lain-lain dokumen yang diperlukan bagi persediaan pelaksanaan naziran tahun 2024. Taklimat tersebut akan diadakan seperti ketetapan berikut:

Tarikh : 11 Mac 2024 (Isnin)
Masa : 8.30 pagi hingga 1.00 petang
Medium : Secara Atas Talian
(pautan akan dimaklumkan kemudian)

4. Selain itu, taklimat ini juga akan membentangkan tatacara permohonan bagi mendapatkan kebenaran pelupusan rekod kewangan dan perakaunan PTJ yang perlu dikemukakan kepada Pejabat Perakaunan (Unit Naziran) setelah rekod tamat tindakan dan tempoh penyimpanan yang ditetapkan telah berakhir.

5. Sehubungan itu, dua (2) orang wakil dari setiap PTJ khususnya Pegawai Aset/ Pegawai Kewangan atau lain-lain pegawai yang terlibat dengan proses kerja berkaitan dengan tujuan taklimat diadakan adalah dijemput hadir. PTJ hendaklah membuat pengesahan kehadiran melalui pautan <https://forms.gle/23cAhhsrDkA9GaDSA> selewat-lewatnya pada 6 Mac 2024 (Rabu).

6. Bersama-sama ini disertakan tentatif taklimat seperti di **Lampiran A**. Bagi sebarang pertanyaan lanjut, YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan boleh berhubung dengan pegawai berikut:

Bil	Nama	Emel	No.Telefon
1	Noorazizah binti Ishak	n.azizah.jhr@anm.gov.my	072249244
2	Ummu Hubaibah binti Sahabuddin	ummu.jhr@anm.gov.my	ext.1113/ 1063/ 1108/ 1104/ 1180
3	Siti Zabedah binti Mahat	zabedah.mahat@anm.gov.my	
4	Nur Adilah binti Abd Rahman	adilah@anm.gov.my	
5	Rizawati binti Wahab	rizawati.wahab@anm.gov.my	

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Memperkasakan Budaya Inovasi Digital"

Saya yang menjalankan amanah,



(MASAYU BINTI MUSTAFA c.a.(M))

Pengarah,

Jabatan Akauntan Negara Malaysia,

Negeri Johor.

LAMPIRAN A

**TAKLIMAT PELAKSANAAN NAZIRAN TAHUN 2024
OLEH JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA, NEGERI JOHOR
11 MAC 2024 (ISNIN) - SECARA ONLINE**

MASA	PERKARA
8.30 pagi	Pendaftaran Peserta
9.00 pagi – 10.00 pagi	Sesi 1 Pelaksanaan Naziran Oleh Pejabat Perakaunan: Skop Semakan Program Naziran Tahun 2024 Penceramah: Cik Nazrina binti Samian
10.00 pagi – 11.00 pagi	Sesi 2 Pelaksanaan Naziran Oleh Pejabat Perakaunan: Tatacara Melengkapkan Senarai Semak Naziran – ATA(T) Penceramah: Pn. Rabiatuladawiyah binti Rusley Tatacara Melengkapkan Senarai Semak Naziran – ATA(B) Penceramah: En. Mohamad Fadzly bin Mohamed Dasuki
11.00 pagi	Rehat
11.15 pagi – 12.15 t/hari	Sesi 3 Pelupusan Rekod Kewangan dan Perakaunan Secara Pemusnahan Selaras Arahan Perbendaharaan 150 (Pindaan 2023): Tatacara Permohonan Penceramah: En. Mohamad Arief bin Ismail
12.15 t/hari – 1.00 ptg	Sesi 4 Pelupusan Rekod Kewangan dan Perakaunan Secara Pemusnahan Selaras Arahan Perbendaharaan 150 (Pindaan 2023): Tatacara Melengkapkan Borang Arkib 4/08 Penceramah: Pn. Nur Adilah binti Abd. Rahman
1.00 ptg	Bersurai